



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/62 Jld. 4 (76)

Tarikh : 7 Julai 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

URUSAN PEMANGKUAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W22 KE GRED W26 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuhan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 **pada 31 Disember 2010 dan sebelum (tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan ke Gred W22 berubah ke tarikh 1 Januari 2011 dan seterusnya);**
- 2.2 **Tidak layak/tidak memilih untuk opsyen tukar lantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;**
- 2.3 Markah LNPT tahun terkini (2019) dan wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019) tidak kurang **80%**;
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan hendaklah disertakan);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

2/...

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D** seperti disertakan dan calon-calon yang **bersedia untuk penempatan mengikut kekosongan di seluruh negara sahaja digalakkan memohon untuk urusan pemangkuan ini**. Bagi calon-calon yang telah diperaku dalam Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam pada **18 Julai 2019** dan belum ditawarkan pemangkuan ke Gred W26, **perlu mengemukakan semula** permohonan untuk dipertimbangkan semula.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 9 Ogos 2020** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: **Encik Wan Mazlan bin Wan Mat**)

5. Dimaklumkan bahawa, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- | | | | |
|-----|--|---|--------------|
| i. | Encik Mohd Fauzi bin Hashim
fauzi.hashim@jpa.gov.my | - | 03-8885 4782 |
| ii. | Puan Norsiti Farrah binti Roslan
farrah.roslan@jpa.gov.my | - | 03-8885 4147 |

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(WAN MAZLAN BIN WAN MAT)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

☎ : 03-8885 4102

✉ : mazlan.mat@jpa.gov.my